

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqa General Insurance Berhad ("Kami")
Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli <b>Oto 360</b> . Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am.	<b>Oto 360</b> <b>Tarikh : HH/BB/TTTT</b>

**1. Apakah produk ini?**

Produk ini merupakan pelan kematangan diri yang menyediakan manfaat kepada pihak yang diinsuranskan, pemandu dan/ atau penumpang, sekiranya mengalami kecederaan badan akibat kematangan yang mengakibatkan kematian atau hilang upaya kekal, semasa memandu dalam perjalanan atau turun dari kenderaan yang dinamakan. Produk ini juga diperluaskan untuk melindungi pihak yang diinsuranskan (pemilik kenderaan) 24 jam di seluruh dunia, apabila berlaku kematian atau hilang upaya kekal akibat kematangan, tanpa mengira sama ada pihak yang diinsuranskan tersebut berada dalam kenderaan yang dinamakan ataupun tidak. Kami juga menawarkan elaua-elaua kesulitan kepada pemilik kenderaan untuk kejadian yang tidak dijangka berlaku ke atas kenderaan. Selain daripada itu, pelan ini juga menyediakan Program Bantuan Auto Etiqa 24-jam kepada anda.

**2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?**

Perlindungan / manfaat adalah seperti berikut:

SEKSYEN MANFAAT	Jumlah Manfaat dalam Ringgit Malaysia (RM)		
	Pelan Perak	Pelan Emas	Pelan Platinum
<b>Seksyen A – Manfaat Kematangan Diri (Setiap Orang)</b>			
1. Kematian akibat kematangan	10,000	25,000	50,000
2. Hilang upaya kekal akibat kematangan (sehingga)	10,000	25,000	50,000
3. Indemniti berganda (sehingga)	20,000	50,000	100,000
4. Tunai ihsan	1,000	1,000	1,000
5. Perbelanjaan perubatan (sehingga)	500	500	1,000
6. Pembedahan rekonstruktif muka dan/atau rawatan pergigian (sehingga)	1,000	1,000	1,000
7. Pendapatan hospital (setiap hari)	50	50	100
<b>Seksyen B – Manfaat Elaua Kesulitan</b>			
8. Elaua kesulitan untuk kehilangan atau kerosakan kenderaan	500	500	500
9. Elaua kesulitan untuk banjir	500	500	500
10. Elaua kesulitan untuk pecah dan samun	500	500	500
11. Elaua kesulitan untuk kerugian sepenuhnya (total loss) atau kecurian	500	500	500
<b>Seksyen C – Manfaat Program Bantuan Auto Etiqa (Malaysia, Singapura, Thailand dan Brunei)</b>			
12. Bantuan kerosakan 24-jam (pembaikan di tepi jalan)	500	500	500
13. Bantuan tunda 24 jam	500	500	500
14. Pengaturan untuk bantuan teksi	500	500	500
15. Pengaturan untuk kereta sewa dan penginapan hotel	500	500	500
16. Pengaturan pemindahan perubatan kecemasan	500	500	500
17. Bantuan kawan dan keluarga	500	500	500
18. Penghantaran mesej kecemasan	500	500	500

**Nota:**

- Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.
- Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk maklumat lanjut berkaitan dengan manfaat di atas.
- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (lajari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

**3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?**

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza berdasarkan pelan yang anda pilih seperti di bawah:

Premium Tahunan (RM)		
Pelan Perak	Pelan Emas	Pelan Platinum
121.00	158.00	201.00

Semua premium (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

**4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?**

Jenis	Amaun
Diskaun diberi kepada Pelanggan	10% daripada premium
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium
Duti Setem	RM10.00

**5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang harus saya ambil perhatian?**

**Kepentingan Pendedahan**

- a. Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Permohonan ini dengan lengkap dan tepat.
- b. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans anda.
- c. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- d. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- e. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan tidak tepat atau sudah berubah.

**Kelayakan** – Pemilik kenderaan persendirian yang berumur 18 tahun sehingga umur 70 tahun.

**Tunai Sebelum Perlindungan (CBC)** – Premium hendaklah dibayar kepada kami sebelum tarikh polisi berkuatkuasa.

**Tuntutan** – Semua tuntutan hendaklah dimaklumkan kepada kami secepat mungkin tidak melebihi 30 hari selepas kejadian yang melayakkan anda untuk membuat tuntutan ke atas polisi. Sila kemukakan kepada kami semua dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Sebarang dokumen atau bukti yang diperlukan oleh kami untuk mengesahkan tuntutan tersebut perlu dikemukakan kepada kami atas perbelanjaan anda sendiri. Anda hendaklah menghubungi penyedia perkhidmatan kami untuk mendapatkan apa-apa manfaat di bawah Program Bantuan Auto Etiqa.

**Nota:** Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat.

**6. Apakah pengecualian-pengecualian di bawah polisi ini?**

- a. Pemandu tidak mempunyai lesen memandu yang sah atau di bawah pengaruh alkohol dan dada;
- b. Kenderaan digunakan untuk tujuan aktiviti yang menyalahi undang-undang atau sebagai kenderaan pembawa yang tidak berlesen;
- c. Penyertaan atau cubaan untuk menyertai aktiviti yang menyalahi undang-undang, bunuh diri atau kecederaan yang sengaja dilakukan;
- d. Peperangan, serangan, pemberontakan, dan tindakan keganasan;
- e. Kecacatan atau keuzuran fizikal atau mental yang sedia ada;
- f. Terlibat di dalam sukan, pekerjaan atau aktiviti-aktiviti berbahaya;
- g. Terlibat di dalam organisasi ketenteraan, pertahanan awam, penguatkuasa undang-undang, skuad memadam api, atau perkhidmatan kawal keselamatan.

**Nota:** Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Semasa pembatalan, Anda akan menerima bayaran balik sebahagian premium dengan syarat anda tidak pernah membuat tuntutan semasa tempoh insurans.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat perhubungan?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan semua komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya.

**9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Etiqa General Insurance Berhad (197001000276)**

(Dilesenkan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Aras 13, Menara B, Dataran Maybank

No 1, Jalan Maarof

59000 Kuala Lumpur, Malaysia

Nombor Telefon: +603 2297 3888

Nombor Faksimile: +603 2297 3800

E-mel: info@etiqqa.com.my

Laman Web: www.etiqqa.com.my

Pusat Perkhidmatan Kumpulan Maybank: 1300 88 6688

**10. Lain-lain jenis perlindungan insurans kemalangan diri yang boleh didapati**

Sila rujuk kepada ejen atau cawangan kami untuk jenis perlindungan serupa yang ditawarkan.

**NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN MERUJUK SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM POLISI ANDA. ANDA MESTI MELANTIK PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA MESTI MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang terkandung dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada **HH/BB/TTTT**.